

# 'Usah spekulasi surat Kuan Yew'

## PM akan buat keputusan selepas baca jawapan

Oleh Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Kandungan surat penjelasan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung dakwaannya bahawa masyarakat Cina di Malaysia dipinggirkan perlu dibaca dan difahami sepenuhnya.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, tidak wajar spekulasi dibuat berhubung langkah sualan kerajaan selagi surat itu belum dibaca.

"Saya tidak fikir kita patut membuat spekulasi sehingga Perdana Menteri membacanya... biarlah kita baca dulu surat itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Syed Hamid berkata, pegawai Wisma Putra dijangka menerima surat penjelasan daripada Lee hari ini untuk diserahkan kepada Perdana Menteri.

"Saya tidak akan membaca surat itu dan tidak tahu kandungannya... Perdana Menteri akan menentukan sendiri sama ada mahu menghebahkannya. Jika beliau fikir perlu bertindak, beliau akan lakukan mengikut caranya," katanya.

Syed Hamid berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada kerajaan bersedia dengan sebarang kemungkinan dan tindakan selepas su-

rat Lee dibaca dan dianalisis.

Akhbar semalam melaporkan surat penjelasan Lee dijangka diserahkan kepada Wisma Putra hari ini untuk disampaikan kepada Abdullah.

Syed Hamid dilaporkan berkata, beliau dimaklumkan surat itu sudah diterima Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia dan mengikut prosedur diplomatik akan disampaikan kepada Perdana Menteri menerusi Wisma Putra.

Minggu lalu, Perdana Menteri menulis surat kepada Lee meminta beliau menjelaskan kenyataannya mendakwa masyarakat Cina di sini dipinggirkan ketika berucap pada fo-

**“***Saya tak akan baca surat itu dan tidak tahu kandungannya... Perdana Menteri akan menentukan sendiri sama ada mahu hebahkannya”*

**Syed Hamid Albar**  
Menteri Luar

rum mengenai tadbir urus yang baik pada 15 September di Singapura.

Syed Hamid berkata, Malaysia sentiasa mempertahankan kedudukan dan dasarnya apabila berdepan sesuatu isu dan pada masa sama berusaha mengekalkan hubungan dua hala yang baik dengan Singapura walaupun kadang kala menghadapi masa sukar.

Beliau mengakui bukan mudah berurusan dengan Singapura kerana masing-masing mempunyai pendekatan berbeza tetapi isu yang dihadapi Kuala Lumpur-Singapura tidak pernah menjejaskan hubungan dua negara.

Mengenai laporan media mengenai nasib kaum Melayu di Singapura, Syed Hamid berkata, semua pihak perlu mengelak daripada membuat ulasan atau komen mengenai apa yang dilakukan Kerajaan Singapura terhadap kaum Melayu di negara itu.

"Bagi saya, fakta menghurai segala-galanya. Sesiapa yang tahu mengenai keadaan sebenarnya. Apa yang kita tahu, kita tidak suka dengan dakwaan Malaysia meminggirkan kaum Cina. Hakikatnya, kenyataan itu tidak benar," katanya sambil menambah kedudukan Melayu di Singapura dan Cina adalah dua perkara berbeza.